

**Dewan Rakyat: Kerajaan Disaran Hapus Sekolah Vernakular
Bernama
12 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Bebas bagi Bayan Baru Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim Rabu menyarankan supaya sistem pendidikan negara diolah semula dengan menghapuskan sistem sekolah pelbagai aliran atau vernakular yang didakwa menyebabkan polarisasi kaum di negara ini.

Justeru, beliau meminta kerajaan mewujudkan semula Sekolah Wawasan bagi memastikan murid-murid dididik dalam persekitaran majmuk dan seterusnya melahirkan generasi akan datang yang lebih bersatu padu dan tidak hanya memikirkan kepentingan kaum masing-masing.

"Malaysia bukan negara Cina, Malaysia bukan negara India dan Malaysia juga bukan negara Arab. Malaysia kita adalah satu negara majmuk dan seharusnya sistem pendidikan kita diolah kembali," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat di sini.

Zahrain berkata transformasi sistem persekolahan atau pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah kini pincang kerana sistem peninggalan penjajah menyebabkan kemunculan generasi yang rasis dan hanya memikirkan kepentingan kaum masing-masing.

Beliau juga merujuk kepada perbuatan pelakon dan penyanyi rap Wee Meng Chee atau Namewee yang didakwa kurang ajar hingga mudah memaki hamun seorang wanita dalam klip video terbarunya.

"Saya pasti Namawee tidak akan bertindak sebegitu liar dan memaki hamun seorang wanita dalam klip video terbaru-nya jika beliau diasuh secara betul dalam persekitaran yang majmuk," katanya.

Dalam isu lain, Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) ketika membahaskan rang undang-undang sama mencadangkan supaya diwujudkan satu agensi khas untuk memantau isu muflis di kalangan generasi muda yang tinggi bagi memastikan golongan itu mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa depan.

Merujuk laporan akhbar hari ini, beliau menganggap kadar 41 belia di negara ini muflis sehari adalah sangat kritikal dan serius yang memerlukan perhatian segera kerajaan.

"Berdasarkan jumlah itu, maknanya dalam tempoh setahun sahaja kita mempunyai 14,000 hingga 15,000 belia yang muflis dan golongan ini tidak boleh menyertai sebarang aktiviti ekonomi sekaligus tidak dapat menyumbang kepada keuntungan negara," katanya.

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) semalam mendedahkan 41 belia negara berumur antara 21 hingga 40 tahun dianggarkan muflis setiap hari kerana kurangnya pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan.

Bung Moktar berkata kerajaan perlu melihat aktiviti bank-bank yang turut menyumbang kepada peningkatan kadar muflis di kalangan generasi muda selain tindakan bank yang mudah mengisytiharkan muflis walaupun berhutang antara RM1,000 dan RM2,000.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619525>